

NO. SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN :

**YB Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA
MENTERI menyatakan pelan perancangan PETRONAS dalam tempoh
merundum selepas keuntungan jatuh sebanyak 96 peratus pada suku
kedua 2016.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak dinafikan kejatuhan harga minyak mentah dunia memberi kesan kepada semua syarikat pengeluar minyak dan gas dunia. Di dalam menghadapi situasi mencabar ini, PETRONAS telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif bagi menghadapi kelembapan industri minyak dan gas pada masa ini dan masa hadapan. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) **Dari aspek pengurusan perbelanjaan**, PETRONAS sedang dan akan terus memantau perbelanjaan operasi (“OPEX”) dan perbelanjaan modal (“CAPEX”) untuk menangani impak harga minyak mentah yang menurun.

- b) **Dari aspek peningkatan efisiensi**, PETRONAS telah melancarkan program transformasi yang bermatlamat untuk mencapai beberapa sasaran jangka masa pendek dan jangka masa panjang seperti berikut:
 - i) **sasaran jangka masa pendek**, program transformasi ini telah meneliti langkah-langkah yang boleh diambil di dalam mempergiatkan aktiviti penjanaan dana, menambahbaik proses sedia ada termasuk pengurusan projek; dan

 - ii) **sasaran jangka masa panjang**, program transformasi ini telah merangka beberapa inisiatif bagi peningkatan dari segi

pembangunan sumber manusia, pembangunan teknologi dan usaha memperkuat kecemerlangan budaya kerja PETRONAS sebagai sebuah organisasi.

Adalah dijangkakan langkah-langkah yang diambil ini mampu mempersiapkan PETRONAS di dalam menghadapi situasi penurunan harga minyak dan gas dunia pada masa ini dan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN**
TARIKH : **9.11.2016**
SOALAN : **NO. ~~AZ~~ 47**

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bentuk-bentuk dan tahap keseriusan pengaruh DAESH dalam kalangan warga institut pengajian tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandang serius dan peka terhadap aktiviti DAESH yang melibatkan warga Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia. Kerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta agensi penguatkuasa yang lain telah dilakukan dan akan sentiasa diteruskan bagi memastikan kebajikan dan keselamatan warga IPT terjamin di samping memberikan suasana pembelajaran yang lebih kondusif di IPT.

KPT telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi meningkatkan tahap keterlibatan (*engagement*) dan tahap kesedaran mengenai DAESH. Antara usaha yang dilakukan untuk mengekang penularan pengaruh kumpulan militan DAESH di kalangan warga IPT adalah seperti berikut:

- (a) meningkatkan sesi keterlibatan (*engagement*) seperti taklimat dan dialog dengan PDRM dan agensi-agens penguatkuasa yang lain;
- (b) memberi penjelasan mengenai aktiviti DAESH dalam program-program yang melibatkan pelajar di IPT;
- (c) meningkatkan tahap tapisan keselamatan untuk kemasukan para pelajar dan tenaga pengajar asing; dan

(d) memantapkan prosedur keselamatan sedia ada di peringkat IPT sebagai langkah pencegahan awal.

Selain itu, sebagai satu usaha yang bersepadu dengan pihak penguatkuasa yang berkaitan dalam menangani isu kedatangan pelajar antarabangsa ke Malaysia, KPT telah memperkenalkan Education Malaysia Global Services (EMGS) untuk menjalankan fungsi pemasaran, promosi dan pengurusan perekrutan pelajar antarabangsa ke Malaysia. Setiap permohonan visa hendaklah dibuat melalui EMGS.

EMGS melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan konsisten melalui saringan permohonan visa pelajar antarabangsa sebelum pelajar tersebut memasuki Malaysia atau diberikan pas pelajar oleh Jabatan Imigresen Malaysia. EMGS akan memastikan semua pemohon telah mematuhi semua syarat yang telah dikuatkuasakan oleh agensi yang berkaitan. Langkah tersebut adalah sebagai satu medium kawalan KPT untuk memelihara kualiti pelajar antarabangsa yang menjalani pengajian mereka di IPT.

KPT juga sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya dalam keadaan di mana PDRM perlu mengambil tindakan ke atas pelajar dan warga yang terlibat dengan aktiviti DAESH ini.